

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 24, 2019 2:47 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PENGLIBATAN MAHASISWA DALAM PESKON SERLAH BAKAT PENGURUSAN



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

24 OKTOBER 2019 / 25 SAFAR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PENGLIBATAN MAHASISWA DALAM PESKON SERLAH BAKAT PENGURUSAN



UUM ONLINE: Penglibatan dalam mengurus majlis-majlis rasmi peringkat Universiti merupakan satu pendekatan rutin untuk membangunkan bakat pengurusan dalam kalangan mahasiswa.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, dengan penglibatan dalam hal-hal pengurusan seumpama ini, mahasiswa dapat mempraktikkan ilmu Pengurusan seperti merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal, yang diperoleh dalam dewan kuliah. Ini antara objektif pesta konvokesyen.

Beliau mengucapkan syabas kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Jawatankuasa Pelaksana serta Sekretariat Pelajar yang telah berusaha keras merancang dan merealisasikan Pesta Konvokesyen UUM Ke-32.

“Saya ingin melahirkan rasa bangga dan kagum kerana Pesta Konvokesyen yang berlangsung dari 16 hingga 23 Oktober ini diuruskan oleh 124 mahasiswa yang dilantik sebagai Sekretariat Pelaksana yang meliputi 11 Biro pelbagai fungsi.

“Syabas diucapkan kepada Mohd Anwar Seenii Abd Khatar, Pengarah Program Pesta Konvo UUM Ke-32 yang bertungkus lumus merancang, melaksana dan memastikan pesta berjalan dengan baik,” ucapnya ketika merasmikan majlis penutup Pesta Konvo UUM Ke-32, semalam.

Jelasnya, dalam Pesta Konvokesyen yang bertemakan Love UUM, Universiti menggalakkan keusahawanan sosial dalam kalangan mahasiswa dengan memperuntukkan sebanyak 28 unit gerai untuk mereka menjalankan perniagaan dan pameran.

“Ini menunjukkan pendekatan *grooming process* oleh UUM dalam usaha melatih mahasiswa menjadi insan yang berkualiti.

“Pesta tahunan seperti ini merupakan antara platform terbaik menguji nilai kebersamaan antara mahasiswa dengan pengurusan Universiti dalam menjayakan program besar.

“Hari ini kita menyedari bahawa terdapat kecenderungan pemikiran dan pendirian yang cuba menjauhkan diri daripada Universiti.

“Ini merupakan satu tindakan yang kurang tepat kerana sebagai mahasiswa, Universiti merupakan tempat terbaik untuk kita mengasah diri menjadi insan yang cemerlang,” katanya.

Justeru ujarnya, pelbagai pendekatan yang dilaksanakan adalah semata-mata untuk memastikan mahasiswa benar-benar menimba pengalaman dan kemahiran semasa di sini.

Melalui pendedahan ini tambahnya, mahasiswa tidak hanya tertumpu kepada hal akademik semata-mata, tetapi turut menyerlah bakat serta kebolehan mengurus kehidupan di kampus.

“Komuniti setempat juga pastinya memerlukan mahasiswa dan universiti untuk membantu mereka dari segi penyelidikan, prasarana, serta bantuan atau manfaat lain yang dirasakan penting untuk kebaikan semua.

UUM perlu menyerlahkan peranan agar komuniti tempatan merasakan mereka dekat dan tidak terpinggir serta boleh menggunakan kepakaran dan kemudahan yang ada di sini.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.